
International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983



INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN EDUCATION (IJMOE)
www.gaexcellence.com/ijmoe

PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN (A.I) DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PEMBENTUKAN GENERASI ULUL ALBAB DALAM KALANGAN MAHASISWA DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

THE USE OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE (A.I) AND ITS IMPLICATIONS ON THE FORMATION OF ULUL ALBAB GENERATION AMONG STUDENTS IN INSTITUTES OF HIGHER LEARNING

Siti Zafrina Mohd Zahari[1]*, Asjad Mohamed[2], Mohammad Nasrul Hakim Roslan[3], Ruzainim Mohd Zelani[4]

[1]Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Pahang Branch, Jengka Campus, Malaysia
zafrina@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0001-7525-9493
[2]Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Pahang Branch, Jengka Campus, Malaysia
asjad@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0001-9235-8901
[3] Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Pahang Branch, Jengka Campus, Malaysia
nasrulhakim@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0003-9963-2349
[4] Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Pahang Branch, Jengka Campus, Malaysia
ruzainim@uitm.edu.my https://orcid.org/0000-0002-5154-9752
*Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 30.07.2026
Revised date: 24.08.2026
Accepted date: 23.09.2026
Published date: 30.09.2026

Abstrak:

Institusi Pengajian Tinggi di seluruh dunia kini sedang berhadapan dengan gelombang teknologi digital. Penggunaan kecerdasan buatan AI merupakan salah satu trend yang melanda dalam kalangan mahasiswa di IPT. Kewujudan ChatGPT misalnya membuka ruang dalam menerima kebolehcapaian maklumat tanpa batasan dalam kehidupan mahasiswa masa kini. Kemajuan teknologi ini dapat membantu mahasiswa meningkatkan kemahiran dan pencapaian dalam pengajian mereka. Bagaimanapun, dari satu aspek, penggunaan AI. oleh mahasiswa universiti dilihat sebagai satu budaya pembelajaran yang kurang sihat. Ini kerana lahir sikap suka mengambil jalan singkat dan tidak mahu berusaha untuk menyiapkan tugasan. Oleh itu, penguasaan

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

To cite this document:

Zahari, S. Z. M., A. M., Roslan, M. N. H., & Zelani, R. M. (2026). Penggunaan Kecerdasan Buatan (A.I) Dan Implikasinya Terhadap Pembentukan Generasi Ulul Albab Dalam Kalangan Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi. *International Journal of Modern Education, 8*(31), 1970-1983.

ilmu dalam kalangan mahasiswa menjadi semakin lemah kerana tidak melibatkan proses pencarian ilmu secara normal dan berfokus. Pembangunan minda dan ketajaman fikiran juga terjejas kerana lebih cenderung kepada penghasilan tugas secara mudah dan segera melalui teknologi semasa. Isu hasil kerja yang tidak autentik dan amalan plagiat juga semakin berleluasa. Namun, implikasi dari amalan ini masih belum jelas sama ada lebih memberi kesan positif kepada mahasiswa universiti atau sebaliknya. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis implikasi penggunaan AI dalam kalangan mahasiswa ke arah membentuk generasi ulul albab . Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis data kajian daripada buku, artikel jurnal, laporan akhbar, berita dan laman sesawang. Hasil kajian mendapati implikasi penggunaan AI dalam kalangan mahasiswa mampu mewujudkan generasi yang berdaya saing dan memiliki peribadi serta akhlak yang mulia. Bagaimanapun, jika penggunaan AI tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya, ini akan membawa kepada kemudaratan. Justeru, kajian mengemukakan beberapa cadangan agar wujud keseimbangan penggunaan AI dalam membentuk generasi mahasiswa ulul albab. Antaranya ialah memupuk penggunaan teknologi secara berhemah, membudayakan amalan membaca dalam menggalakkan pemikiran kritis serta mempertingkatkan peranan pendidik berasaskan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

DOI: 10.35631/IJMOE.831115

Kata Kunci:

Kecerdasan Buatan (AI), Mahasiswa, Ulul Albab

Abstract:

Higher Education Institutions worldwide are now facing a wave of digital technology. The use of AI (Artificial Intelligence) is one of the trends affecting university students. The existence of ChatGPT, for example, opens opportunities for accessing information without limitations in the lives of today's students. This technological advancement can help students improve their skills and achievements in their studies. However, from one perspective, the use of AI. by university students is seen as an unhealthy learning culture. This is because it gives rise to a tendency to take shortcuts and an unwillingness to exert effort to complete assignments. Therefore, the mastery of knowledge among university students is becoming increasingly weak because it does not involve the normal and focused process of seeking knowledge. The development of the mind and sharpness of thought is also affected because students tend to complete tasks easily and quickly through current technology. Issues of inauthentic work and the practice of plagiarism are also becoming more widespread. However, the implications of this practice are still unclear as to whether it has a more positive impact on university students or otherwise. Therefore, this study aims to analyse the implications of AI usage among university students towards shaping the generation of ulul albab. This study employs a qualitative method by analysing research data from books, journal articles, newspaper reports, news, and websites. The results of the study found that the implications of AI usage among university students can create a competitive generation with noble character and ethics. However, if the use of AI is not utilized properly, it will lead to harm. Therefore, the study proposes several recommendations to ensure a balanced use of AI in shaping the ulul albab generation of university students. Among these are fostering the prudent use of technology,

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

cultivating a reading culture to encourage critical thinking, and enhancing the role of educators based on information technology in the teaching and learning process.

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcllence.com

Keyword:

Artificial Intelligence (AI), Students, Ulul albab

Pengenalan

Mahasiswa diistilahkan sebagai individu yang berada pada peringkat pengajian tinggi di sesebuah universiti atau kolej universiti tanpa mengira umur, jantina atau tahap pelajaran seperti diploma, ijazah atau doktor falsafah (Mohd. Fadzil, 2019). Menurut Aziz Abdul Rahman (2005), mahasiswa cemerlang memiliki sikap memerah kudrat fikiran, mengkaji, mengupas, membahas, merumus dan seterusnya menghebahkan hasil penemuan terkini bagi subjek paling asing untuk tatapan masyarakat keseluruhannya. Graduan yang ideal ialah mereka yang memiliki kemahiran berfikir, berhujah, berkomunikasi mengikut pelbagai dimensi dan perspektif, berwatakan mulia dan mahir dalam pencarian ilmu (Zaini Ujang, 2009).

Bagi sesebuah universiti, pengajaran ilmu dijalankan mengikut lunas kesarjanaan. Usaha menumpahkan ilmu kepada mahasiswa bagi seorang sarjana bukanlah semata-mata mengajar, tetapi proses mengembangkan ilmu dengan memangkinkan intelek mahasiswanya supaya mereka dapat menanam minat terhadap ilmu dan cara inilah kesinambungan dan peluasan ilmu dapat diwujudkan. Menurut Prof Shamsul Amri, kehadiran pensyarah membawa ciri kemanusiaan kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Buku tetap berguna walau hadirnya teknologi maklumat canggih (Mohd Taib, 2004).

Berdasarkan Pelan Tindakan Pendigitalan Pendidikan Tinggi 2025-2030, teras strategik yang ketiga mengesyorkan inisiatif bagi mengenal pasti dan menggalakkan platform pembelajaran interaktif yang memupuk penglibatan dua hala dalam persekitaran pembelajaran pendidikan tinggi. Inisiatif ini menyokong matlamat pelan tindakan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan utama melalui Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global (*Globalised Online Learning*) (Mohe, 2026). Dengan kewujudan AI, pengalaman pembelajaran di institusi pendidikan tinggi telah berubah daripada suasana yang membosankan menjadi kepada satu pengalaman baru yang bercirikan interaktif dan menyeronokkan melalui integrasi kuiz, permainan interaktif dan tugasan yang digamifikasikan (Mohe, 2026).

Tanpa kita sedari keadaan ini mendorong kepada perubahan tahap pemikiran dan gaya hidup individu secara langsung khususnya mahasiswa IPT. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mendedahkan penggunaan AI dalam kalangan mahasiswa di IPT dari aspek pemikiran kritis serta implikasinya terhadap pembentukan generasi ulul albab. Di samping itu, kajian juga disertakan dengan cadangan agar penggunaan AI dapat diaplikasikan dengan sewajarnya dalam kalangan mahasiswa.

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

Kajian Literatur

Dalam perkembangan era teknologi yang moden, Sam Altman merupakan antara tokoh paling berpengaruh yang membentuk hala tuju AI global (Sinar Harian, 2025). Mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) yang merupakan Generasi Z ternyata lebih terdedah dengan penggunaan teknologi AI berbanding pelajar generasi terdahulu untuk menyiapkan tugasan. Ini kerana AI mampu melakukan analisis teks secara mendalam dan menghasilkan kandungan baharu dengan pantas (Berita Harian, 2024). Salah satu kelebihan terbesar AI ialah kemampuannya untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang dipersonalisasi. Aplikasi seperti *DuolingoMax* menggunakan algoritma pembelajaran adaptif dan pemprosesan bahasa semulajadi untuk mengenal pasti kelemahan pelajar seterusnya mencadangkan pelan pembelajaran mengikut tahap kesukaran dan jenis latihan yang bersesuaian (Farah Farhana & Hairul Nisma, 2026).

Kajian Nelfie Adiela & Helmi (2024) menunjukkan pelajar memiliki kesedaran untuk menggunakan AI generatif dan menyokong penggunaannya melalui pengalaman mereka berdasarkan kelebihan AI itu seperti kemudahan, ketepatan dan penjanaan keputusan yang lebih baik. *Chatbot* misalnya atau aplikasi pemprosesan bahasa juga membantu memudahkan pelajar mendapatkan jawapan kepada soalan akademik dengan pantas. Sesetengah pelajar memanfaatkan AI sepenuhnya dan penggunaannya bukan semata-mata menyiapkan tugasan dengan mudah (Siti Mawarnis et al., 2025).

Selain itu, perisian Turnitin yang digunakan oleh pensyarah dan guru mendapati 11% kertas kerja pelajar kini ditulis dengan bantuan AI. Laporan tersebut terhasil daripada analisis lebih 200 kertas kerja yang disemak (Astro Awani, 2024). Hasil kajian Muhammad Zaid et al., (2024) pula menunjukkan terdapat 93.9% pelajar mendapati ChatGPT membantu dalam menyiapkan tugasan dan 42.4% pelajar pula mengakui ia mempercepatkan proses penyelidikan dan penulisan. Seterusnya Muhammad Sallehuddin et al., (2025) mendapati bahawa faktor interaktiviti dan manfaat mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penggunaan dan penerimaan aplikasi *ChatGPT* dalam kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Menurut Maizatul Hayati et. al. (2025), melalui inovasi pengajaran dan pembelajaran, ChatGPT membuka ruang baharu dalam pendidikan namun menimbulkan cabaran dari sudut kebolehpercayaan maklumat dan integriti akademik.

Cabaran dan peluang yang dihadapi oleh para pendidik dalam mengintegrasikan AI, termasuk jurang literasi digital perlu diatasi untuk memastikan penggunaan AI yang berkesan dalam pengajaran (Muhammad Hamidee, 2025). Pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk melahirkan manusia yang dapat meneruskan kehidupan malah dapat melahirkan insan yang seimbang antara jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI) (Nur Anis et. al, 2018). Pada tahun 2050, hasrat kerajaan Malaysia adalah tertumpu kepada golongan ulul albab yang menjadi tiang utama kekuatan masyarakat Islam melalui sekolah yang berorientasikan model ulul albab. Namun, jika graduan yang keluar dari institusi pengajian gagal menguasai cara berfikir, matlamat akhir penerapan model alul albab pasti tidak kesampaian (Ahmad Amri & Muhammad Shaari, 2022).

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan berteraskan kepada kajian perpustakaan dan analisis dokumen. Data kajian diperolehi daripada pelbagai sumber sekunder seperti laporan akhbar dan laman sesawang yang diambil melalui laman web rasmi akhbar di Malaysia iaitu Harian Metro, Berita Harian, Utusan Sarawak, Sinar Harian dan Sinar Bestari. Manakala laman sesawang yang dipilih ialah Astro Awani dan Berita RTM dengan memberi fokus kepada aspek penggunaan AI di institut pengajian tinggi (IPT). Selain itu, analisis kandungan turut diambil dari artikel jurnal dan buku yang berkaitan dengan konsep ulul albab. Kajian ini bertumpu kepada penggunaan AI dan implikasinya terhadap mahasiswa di IPT pasca pandemik COVID-19.

Pengertian Ulul albab

Perkataan ulul albab merupakan istilah al-Quran yang merujuk kepada golongan manusia yang mempunyai kebijaksanaan, ketakwaan dan kepekaan spiritual tinggi sehingga mereka tidak lalai daripada berfikir serta mengambil iktibar daripada setiap penciptaan alam ini (Sinar Harian, 2024). Perkataan "ulul albab" terdiri daripada perkataan iaitu "*ulu*" dan "*al-Albab*". "*Ulu"* bermaksud 'orang yang mempunyai' dan "al-Albab" pula mempunyai pelbagai maksud dan paling selalu digunakan ialah 'fikiran'. Oleh itu, ulul albab sering diberi tafsiran sebagai 'orang yang mempunyai akal'. Kalimah "Al-Albab" pula adalah kata jamak "*al-Lubb"* iaitu orang yang mempunyai banyak otak atau membawa maksud mempunyai otak yang tajam, kritis dan kreatif (Ab Rahim et al, 2022).

Penjelasan tentang konsep ulul albab tidak dinyatakan secara terperinci dan hanya menyebut tanda-tanda ulul albab. Karena itulah, para mufassir (ulama yang menafsir al-Quran) kemudian memberikan pengertian yang berbeza-beza tentang ulul albab. Imam Nawawi mengungkapkan bahawa ulul albab adalah mereka yang berpengetahuan suci dan masih berpegang dengan ajaran Allah SWT. Mereka mengetahui, menguasai dan mengamalkan ajaran Islam. Sementara itu, Ibn Mundzir menafsirkan bahwa ulul albab sebagai orang yang bertaqwa kepada Allah Taala, memiliki ilmu yang tinggi dan mampu menyesuaikan diri di segala lapisan masyarakat, elit ataupun marginal (Azizah, 2015).

Istilah ulul albab terdapat dalam teks Al-Qur'an sebanyak 16 kali di beberapa tempat dan topik yang berbeza iaitu al-Baqarah: 269,197,179; Âli Imran : 7,190, al-Mâ'idah : 100; al-Ra'du : 19-22; Ibrâhîm : 52; Shâd : 29, 43; al-ZZumar:9,18,21; Ghâfir : 54; al-Thalaq : 10 dan Yûsuf : 111 (Lalu Agus, 2016). Berikut adalah deskripsi penggunaan kata ulul albab dalam al-Quran yang menggambarkan keperibadian manusia (Magfirah, 2021):

1. Individu sosial dan saling menghormati
2. Bertakwa dan takut kepada Allah SWT dalam keadaan *sirran wa jahran* (tersembunyi atau terang)
3. Bijaksana dan sentiasa mengambil pengajaran daripada apa yang berlaku
4. Berpengetahuan luas, bersifat klarifikasi dan verifikasi
5. Sentiasa melakukan proses intelektual dan berzikir dalam apa jua keadaan
6. Bertakwa dan dapat membezakan perbuatan baik dan buruk
7. Menjadikan fakta sejarah sebagai panduan dalam hidup
8. Memiliki pendirian yang teguh dan menjaga hak-hak Allah SWT

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

9. Menjadikan Quran sebagai sumber pengetahuan
10. Sentiasa mengkaji tanda-tanda kebesaran Allah SWT melalui ayat *kauniyyah* dan *qauliyah* (bersifat alam dan perkataan)
11. Sentiasa mengkaji nilai-nilai sejarah dalam mencapai takwa kepada Allah SWT
12. Sedar dengan fakta sejarah dan mengambil pengajaran daripadanya
13. Mudah menerima dan melaksanakan kebenaran
14. Mempunyai ilmu tentang pengetahuan dan kegiatan ilmiah saintis

Dalam pentafsiran Ibnu Kathir, seseorang yang dicirika sebagai ulul albab ialah seseorang yang dalam hidupnya selalu berfikir dengan hati yang terbuka untuk memahami kitab al-Qur'an dan mengikuti ajaran Nabi Muhammad S.A.W serta Allah Ta'ala akan meninggikan darjatnya yang memiliki kakal yang cerdas diiringi dengan keimanan dan ketaqwaan di dunia dan akhirat (Humairoh, 2021). Kebanyakan *mufassir* sepakat bahwa akal ialah alat ketaatan terhadap Allah SWT, bukan sekadar berkaitan dengan daya kognitif manusia saja. Manusia yang berfikir atau memiliki sifat cerdas tidak lantas disebut berakal sekiranya kecerdasannya tidak mengarah pada ketaatan (Mochammad Riqki & Ujang, 2022).

Selain itu, golongan ulul albab memiliki ciri-ciri khusus yang tidak dimiliki oleh orang lain dan mendapat posisi yang eksklusif dalam Al-Qur'an seperti kedalaman spiritual (beriman dan bertaqwa), ketajaman analisis dalam berfikir, berpengetahuan tinggi, berakhlak mulia dan berjiwa sosial (Moh. Solikul et.al, 2024).

Oleh itu, golongan ulul albab adalah golongan yang selalu memanfaatkan pemikirannya untuk mengambil pelajaran dari semua kejadian atau fenomen yang terdapat dalam kehidupannya dan selalu berusaha bertakwa kepada Allah SWT ((Panggih, 2024). Menurut Sabri (2009), generasi ulul albab merupakan generasi yang lasak berfikir, mempunyai kekuatan, kebijaksanaan, kecerdasan akal, kehalusan budi dan sentiasa di bawah naungan Allah SWT. Mereka juga memiliki modal insan yang tinggi dan kekuatan roh serta jasad untuk menjadi generasi yang sentiasa kompeten dalam menghadapi cabaran semasa.

Implikasi Penggunaan AI Dalam Pembentukan Generasi Ulul Albab

Terdapat pelbagai tanggapan dan pendapat tentang senario perkembangan teknologi yang berlaku pada masa kini. Menolak arus kemodenan bukanlah satu langkah yang baik. Sebaliknya hanya akan membuatkan kita sentiasa ketinggalan dari segala sudut. Manakala menerima sepenuhnya pula akan mengundang nilai-nilai yang boleh meruntuhkan akhlak mulia (Harun Ar-Rasyid, 2002). Dari perspektif etika Islam, keseimbangan penggunaan AI dalam pendidikan perlu dinilai berdasarkan antara manfaat dan mudarat. Manfaat AI boleh berlaku sekiranya digunakan untuk memahami dan meningkatkan kualiti pembelajaran dan menjadi mudarat apabila dijadikan jalan pintas yang menafikan usaha kendiri pelajar (Harian Metro, 2026). Oleh itu, implikasi penggunaan AI dapat dilihat dari dua sudut, iaitu:

Mewujudkan Individu Muslim Yang Berakhlak Mulia

Menurut Harun Ar-Rasyid (2002), pada peringkat permulaan internet diperkenalkan, generasi inilah yang akan menjadi pemangkin kepada wawasan dan celik serta peka terhadap penggunaan teknologi maklumat. Teknologi ini bukan sahaja meningkatkan akses kepada bahan pembelajaran, tetapi juga membantu dalam mempersonalisasikan pengalaman belajar.

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

AI juga dapat menilai keperluan individu pelajar dan menyediakan kandungan yang relevan serta sokongan tambahan kepada mereka. (Fadzil et al, 2025). Kajian Che Wan Shamsul Bahri (2025) menunjukkan bahawa pelajar memiliki pandangan positif terhadap manfaat AI sebagai alat bantu pemahaman dan peningkatan kualiti tugasan. Mereka juga sangat peka dan berwaspada terhadap risiko integriti akademik. Menurut Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyeru institusi pendidikan tinggi di negara ini memainkan peranan dalam memanfaatkan AI. Selain sebagai pusat pengajian serta penyelidikan, KPT juga harus menjadi pemangkin pembangunan masyarakat melalui pengembangan ilmu, teknologi dan inovasi kepada komuniti (Berita Harian, 2026). Menurut Misbahul (2018), rangka konseptual keperibadian ulul albab untuk menyelesaikan permasalahan generasi milenial adalah melalui internalisasi nilai keperibadian ulul albab. Dalam proses pembelajaran, keadaan ini terhasil melalui pengamalan zikir, fikir dan amal soleh. Secara luaran, kaedah ini tidak memisahkan generasi milenial dengan kelebihan dalam penggunaan teknologi digital. Tetapi ia menjadi benteng untuk tetap memiliki karakter sesuai dengan norma dan etika Islam.

Melahirkan Individu Muslim Yang Berdaya Saing

Rakyat Malaysia memiliki kemampuan untuk bersaing di peringkat global dalam melahirkan bakat yang maju pemikiran serta mempunyai minda inovasi dan keusahawanan. Tahap ini boleh tercapai sekiranya penggunaan teknologi AI dapat dimanfaatkan dengan acuan yang betul di semua peringkat di institusi pendidikan tinggi (Astro Awani, 2024). Perkembangan teknologi maklumat yang sedia ada merupakan saluran yang sangat berfaedah dan berkesan sekiranya dimanfaatkan dengan sebaiknya. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

> *Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan kepada umat manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar. Dan beriman kepada Allah*. (Ali Imran:110)

Universiti merupakan laluan dalam mendpatkan kerjaya yang lebih baik dan menjamin masa hadapan. Mahasiswa dilatih menggunakan kreativiti, berfikiran luas, lebih terbuka, fleksibel, bertoleransi, berketrampilan, berjiwa pemimpin, menghormati perbezaan dan menghargai seni serta budaya (Siti Alida & Halima, 2007). Inovasi AI membantu pelajar untuk menambah ilmu dan mendapatkan maklumat dengan lebih cekap. Menurut YB Gobind Singh Deo, Menteri Digital, penggunaan aplikasi ChatGPT harus dilihat dengan pandangan positif walaupun terdapat cabaran seperti budaya meniru dan sebagainya. Namun kekangan ini tidak seharusnya menghalang kita daripada bergerak ke hadapan. Malah AI membuka peluang dan ruang untuk kehidupan kita lebih berkembang (Astro Awani, 2025). Muhammad Wishal Khan Mohammad Shabbir mendapat pengiktirafan dunia kerana kepakarannya dalam bidang kecerdasan buatan (AI) menerusi projek penghasilan pengimejan perubatan *(medical imaging*) di London, United Kingdommenggunakan teknologi AI. Ia membantu pengimejan perubatan yang lebih selamat dan tepat, termasuk untuk tujuan saringan kanser (Berita Harian, 2026). Ini membuktikan bahawa penggunaan AI mampu mewujudkan kreativiti dan inovatif dalam pelbagai bidang seterusnya memberikan manfaat kepada masyarakat.

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

Menjadikan Pemikiran Terbatas

Kemampuan akal fikiran untuk berfikir secara, kritikal dan analitikal beerasaskan keimanan pada Allah SWT menjadikan sistem pendidikan yang diwujudkan dan dilaksanakan mampu menganalisa, memahami serta mendepani keperluan masa hadapan yang penuh cabaran (Ab. Halim, 2021). Jika mahasiswa menggunakan AI untuk mempercepat proses kefahaman subjek, mendapatkan idea atau membantu menyusun pemikiran, maka ia dapat membentuk kemajuan. Namun, jika ia digunakan sepenuhnya tanpa kekuatan akal, kritikal dan nilai tanggungjawab, maka ia jelas mencabar integriti akademik (Utusan Sarawak, 2025). Menurut Hafizul Fahri (2024), kebergantungan kepada ChatGPT boleh mengakibatkan pelajar terperangkap dalam pemikiran yang terhad, dengan hanya mampu beroperasi dalam lingkungan 'prompt' yang diprogramkan. Ramai pakar AI menyedari bahawa halusinasi AI boleh berlaku di mana sistem ini mewujudkan maklumat yang menunjukkan tahap keyakinan tinggi kepada pengguna namun hakikatnya tidak berlaku,Oleh itu, pengguna tidak boleh menyerahkan sepenuhnya kepercayaan tanpa semakan dan keperluan sikap kritis adalah benteng utama pengguna (Berita RTM, 2025).

Menghadkan Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Menurut Prof Madya Dr Kalaivani Chellappan, Malaysia berhadapan risiko melahirkan generasi mahir menggunakan AI tetapi kurang keupayaan untuk berfikir secara kritikal dan membuat pertimbangan sendiri, sekiranya kemahiran numerasi dan daya fikir gagal diperkukuh (Berita Harian, 2026). Kajian Fatin Nabila et.al (2025) menunjukkan sebahagian besar responden turut berpendapat bahawa penggunaan AI mengurangkan keupayaan mereka untuk berfikir dengan kritikal. Manakala kebergantungan berlebihan kepada AI berpotensi melemahkan keupayaan berfikir secara kritis dan mendalam. Proses menganalisis, membanding dan membuat pertimbangan sendiri semakin berkurangan. Lama-kelamaan, proses pembelajaran menjadi pasif dan peranan pelajar sebagai pemikir aktif semakin terjejas. Ini merupakan satu perkembangan yang membimbangkan kerana kemahiran berfikir kritis merupakan asas penting dalam pendidikan tinggi. (Sinar Bestari, 2026). Mahasiswa perlu memahami bahawa AI ialah alat bantu dan bukan pengganti akal. Menurut Perdana Menteri YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, penggunaan AI boleh dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh pelajar sekiranya budaya membaca dan berfikir secara kritikal masih digunakan untuk menimba ilmu. Oleh itu, pelajar tidak digalakkan bergantung sepenuhnya kepada AI tetapi diambil sebagai kekuatan baharu untuk membantu menambah ilmu yang dipelajari (Berita Harian, 2025). Menurutnya lagi, kemajuan teknologi tidak seharusnya menghakis nilai kemanusiaan, malah perlu dimanfaatkan untuk memperkukuh martabat insan, keadilan sosial dan kesejahteraan masyarakat sejagat (Berita Harian, 2026).

Cadangan

Pendekatan yang dapat diterapkan bagi mewujudkan keseimbangan dalam penggunaan AI dalam kalangan mahasiswa ialah program galakan membaca. Program ini adalah pemangkin kepada usaha memupuk budaya membaca masyarakat Madani. Melalui program yang dilaksanakan akan dapat menyedarkan lagi betapa pentingnya budaya membaca dalam kalangan masyarakat Madani digital (Adam Zulakrnain, 2023). Membaca bahan bacaan ilmiah dapat mempertingkatkan daya pemikiran kritis seseorang. Dengan membaca, minda akan memainkan peranan kritis seperti menilai, membuat kategori, menghuraikan, mencari bukti

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

dan sebagainya (Mohd. Azhar, 2001). Untuk membolehkaan seseorang mahasiswa itu mengetahui, menguasai dan menghayati sesuatu disiplin ilmu pengetahuan, maka mereka mestilah arif tentang proses mendapatkan ilmu serta maklumat dari sumber yang tepat. Mereka juga mestilah arif tentang bahan-bahan bacaan yang terbaik yang dihasilkan oleh para pengarang terbaik yang dirujuk (Zaini Ujang, 1993). Data daripada laporan Digital 2024 Malaysia menunjukkan rakyat Malaysia menghabiskan purata lebih tujuh jam sehari di internet, dengan lebih tiga jam diperuntukkan khusus untuk media sosial. Namun masa yang diperuntukkan untuk pembacaan mendalam semakin mengecil (Nurul Nisha & Che Nurin Nadia, 2026). Statistik Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pula menunjukkan 88.6 peratus rakyat Malaysia pada tahun 2025 merupakan pembaca aktif dengan purata 24 bacaan setahun merangkumi buku fizikal dan digital. Namun cabaran utama ialah memastikan bahan yang dibaca mampu membentuk pemikiran dalam era lambakan maklumat digital (Berita RTM, 2026).

Menulis tugasan adalah salah satu kaedah penilaian yang dijalankan di universiti. Dengan menulis, pelajar didorong mencari maklumat daripada pelbagai sumber selain nota kuliah. Selepas memperoleh maklumat-maklumat ini, pelajar perlu menyaring dan mencari kesimpulan daripada maklumat. Kesemua proses ini melatih pelajar menyampaikan idea dengan mantap, jelas dan berkesan (Mohd Fadzilah & Syed Yusainee, 2004). Pelajar perlu sentiasa sedar bahawa kita tetap memerlukan peranan manusia dari sudut kaedah pengajaran, serta panduan dalam mewujudkan ciri-ciri kemanusiaan. AI hanyalah alat bantuan dan pendidik kekal sebagai pemudah cara utama dalam membentuk sahsiah, pemikiran kritis dan nilai moral pelajar (Berita RTM, 2026). Menurut Zamri dan Yahya (2017), empat langkah berikut boleh dijadikan panduan kepada pelajar dalam menulis sesuatu artikel, kertas kerja projek, kertas kerja dan sebagainya iaitu selain meningkatkan aspek pembacaan bidang yang dikaji, pelajar menggunakan bahasanya yang tersendiri dan mengolah petikan yang diambil dengan meletakkan sumber rujukan di awal atau di akhir petikan tersebut serta menulis sumber setiap petikan yang diambil dalam petikan dan juga dinyatakan di bahagian Rujukan. Langkah bagi mengurangkan amalan plagiat dalam kalangan pelajar dapat dilakukan melalui penerapan kesedaran diri tentang etika penggunaan AI. Pihak institusi perlu memastikan pelajar tahu tentang sifat penulisan yang dikatakan plagiat dan mengajar teknik membuat rumusan serta pengekodan (Subhan & Syed Ismail, 2017).

Impak globalisasi mempengaruhi semua aspek dalam kehidupan manusia, termasuk pendidikan dan pembelajaran. Oleh itu, perlu dibuat perubahan persepsi tentang peranan guru yang hanya dianggap sebagai satu-satunya sumber belajar kepada persepsi bahawa mereka adalah salah satu daripada sumber belajar yang pelbagai (Ishak & Dani, 2015). Mengajar adalah suatu proses kegiatan untuk membantu orang lain mencapai kemajuan optimum yang sesuai dengan tahap perkembangan potensi kognitif, afektif serta berkaitan dengan emosi dan psikomotor (Baharuddin & Hassan, 2019). Dalam proses pembelajaran, seorang pendidik perlu berperanan sebagai fasilitator kepada peserta agar proses pembelajaran tidak terpisah daripada amalan berzikir mengingati Allah SWT (Sarkowi, 2024). Institusi pengajian tinggi perlu lebih proaktif dalam mengintegrasikan teknologi terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, pelajar dapat memperkasakan diri dengan kemahiran digital dan teknologi yang bersesuaian untuk memenuhi pasaran kerja yang semakin mencabar dalam era IR 4.0 (Shahidah, 2024). Oleh itu, melalui pembelajaran di bawah paradigma tarbiyah ulul albab,

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

diharapkan akan lahir insan unggul yang memiliki keteguhan akidah, keagungan akhlak, keluasan ilmu, dan kematangan profesional.

Kesimpulan

Berdasarkan analisi kajian, penggunaan AI dalam kalangan mahasiswa berpotensi menyumbang ke arah kecermelangan dan boleh memberi implikasi sekiranya tidak digunakan dengan kebijaksanaan. Keseimbangan adalah jalan yang terbaik kerana Islam adalah agama wasatiyah dalam melahirkan generasi ulul albab. Peranan mahasiswa serta pendidik perlu dipertingkatkan agar umat Islam tidak ketinggalan pada abad kini.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universii Teknologi MARA, Cawangan Pahang Kampus Jengka atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Mohammad Nasrul Hakim Roslan bertanggungjawab terhadap metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Siti Zafrina Mohd Zahari mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Ruzainim Mohd Zelani menyumbang kepada pengkonsepan dan penyediaan draf. Dr. Asjad Mohamed menyumbang kepada sorotan literatur dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.
Pengisytiharan Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI)	"Penulis mengisytiharkan bahawa tiada kecerdasan buatan (AI) generatif atau teknologi berbantukan AI digunakan dalam proses penyediaan, penulisan, analisis atau semakan manuskrip ini."

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

Rujukan

Abd. Hamid, M.A. (2001). *Pengenalan Pemikiran Kritis & Kreatif.* Penerbit Universiti Teknologi Malaysia : Skudai.

Abdullah, N. A., Embong, R., & Yaacob, A. (2018). Pembinaan modul pemantapan sahsiah ulul albab bagi pelajar Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, *1*(1), 8-20.

Ab Rahim, N. M. Z., Saari, Z., Mohamad, A. M., Rashid, M. H., & Norzilan, N. I. M. (2022). Konsep Ulul albab dalam Al-Quran dan Hubungannya dengan Pembelajaran Kursus Sains, Teknologi dan Manusia di UTM Kuala Lumpur. *Firdaus Journal. 2*(2), 72-78.

Ahmad, N.A. & Abdul Rahman, Azura. (2024). *A.I Dorong Siswa Ciplak Tugasan, Gugat Etika Akademik*. Berita Harian. Retrieved from https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2024/04/1235730/ai-dorong-siswa-ciplak-tugasan-gugat-etika-akademik

Amanz. (2024). *11% Kertas Kerja Pelajar Ditulis Dengan Bantuan A.I-Turninit*. Astro Awani. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/11-kertas-kerja-pelajar-ditulis-dengan-bantuan-ai-turnitin-466400

Anua, S. M., Chong , J. M., M. Nasir, J. N., Mohd Zamri, M. M., Lihat, N., & Gulpi, N. A. (2025). Isu Keselamatan dan Etika Penggunaan Kecerdasan Buatan. *Journal of Energy and Safety Technology (JEST)*, 8(1), 35–41. https://doi.org/10.11113/jest.v8.195

Ariyanti & Nurul Nabihah. (2026). Salah Guna A.I Bentuk Budaya Akademik Rapuh. Retrieved from https://www.hmetro.com.my/rencana/2026/01/1305886/salah-guna-ai-bentuk-budaya-akademik-rapuh

Asri, S. (2024). *Berpada-pada Guna A.I.* Harian Metro. Retrieved from https://www.hmetro.com.my/akademia/2024/07/1113738/berpada-pada-guna-ai

Asyraf Malik. (2025). *Penggunaan ChatGPT Pelajar Bukan Ancaman, Perlu dilihat dari Sudut Positif*- Gobind. Astro Awani. Retrieved from https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penggunaan-chatgpt-pelajar-bukan-ancaman-perlu-dilihat-dari-sudut-positif-gobind-530192.

Awang, F. F., & Wahab, H. N. . (2026). Integrasi AI Dalam Pengajaran Bahasa Asing di Universiti Awam Malaysia: Potensi, Cabaran Dan Hala Tuju: J*ournal of Advanced Islamic and Legal Research*, 3(1), 64-71. http://ailrjournal.com/index.php/journal/article/view/40.

Aziz Abdul Rahman. (2005). Mahasiswa Penjana Intelektualisme Universiti dlm Abdul Razaq Ahmad (Eds.). *Mahasiswa Abad 21*. (pp. 153). Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Maaysia dan Yayasan Istana Abdulaziz.

Baharuddin Ahmad & Hassan Noor. (2019). *Pengajaran Pembelajaran dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: SAM Synergy Sdn Bhd.

Baihaqi, M. R. B., & Muhaemin, U. (2022). The Analisis Terminologi Ulul albab dalam Al-Qur'an. *Journal of Ulumul Qur'an and Tafsir Studies*, *1*(1), 12-16.

Berita Harian. (2025). AI Di Universiti, Antara Manfaat Dan Etika. Retrieved from https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2025/07/1422566/ai-di-universiti-antara-manfaat-dan-etika.

Berita Harian. (2026). *Malaysia Berisiko Lahirkan Genrasi Mahir A.I Tapi Kurang Daya Fikir Kritikal.* Retrieveed from https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/06/1569672/malaysia-berisiko-lahirkan-generasi-mahir-ai-tapi-kurang-daya-fikir

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

Berita RTM. (2026). *Budaya Membaca Vs Dunia Digital, Cabaran Bentuk Generasi Berilmu*. Retrieved from https://berita.rtm.gov.my/fokus/lensa-360/senarai-berita-fokus/lensa-360/senarai-artikel/budaya-membaca-vs-dunia-digital-cabaran-bentuk-generasi-berilmu/.

Bernama. (2024). *Penggunaan AI Perlu Seimbang Dengan Budaya Membaca, Berfikir Kritikal*. Harian Metro. Retrieved form https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1150324/penggunaan-ai-perlu-seimbang-dengan-budaya-membaca-berfikir-kritikal-pm.

Bernama. (2025). *Salah Guna A.I Jejas Integriti Akademik DI IPT*. Utusan Sarawak. Retrieved from https://utusansarawak.com.my/salah-guna-ai-integriti-akademik-ipt-kian-tercabar/

Che Mohd Farhan Che Mat Dasuki. (2025). *Peringatan ChatGPT Jangan Diabaikan*. Berita RTM. Retrieved from https://berita.rtm.gov.my/fokus/perspektif/senarai-berita-fokus/perspektif/senarai-artikel/peringatan-chatgpt-jangan-diabaikan/.

Dasar Pendigitalan Pendidikan Tinggi 2025-2030. Retrieved form https://www.mohe.gov.my/muat-turun/penerbitan-jurnal-dan-laporan/dasar-pendigitalan-pendidikan-tinggi-2025-2030/1791-dasar-pendigitalan-pendidikan-tinggi-2025-2030-pdf/file.

Daud, M. Z., Ismail, E., Mohd Azli, M. S., Omar, M. K. A.-R., Muhammad Jilli Asyraf, M. I. A., Mahmod, N. M., … Mohamed Sultan, A. A. (2024). Perspektif Mahasiswa Universiti Teknikal di Malaysia Terhadap Kecerdasan Buatan (AI) Sebagai Pemudah Cara Menyiapkan Tugasan Berbahasa Melayu. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 8(2), 183–198. https://doi.org/10.11113/itlj.v8.168.

Humairoh, I. A. (2021). Makna Ulul albab dalam Tafsir Al-Qur'anul 'Azhim. *Al Karima : Jurnal Studi Ilmu Al Quran Dan Tafsir*, *4*(1), 1–23. https://doi.org/10.58438/alkarima.v4i1.42.

Hadi, M. S., Amrulloh, A. K., & Anwar, K. (2024). Membentuk Peserta Didik Menjadi Pribadi Ulul al-bab Prespektif Ma'na-Cum Maghza (Kajian Qs. Ar-Ra'd Ayat 19). *Journal of Islamic Scriptures in Non-Arabic Societies*, *1*(1), 55-75.

Hamzah, S. (2024). Higher Education Transformation in Malaysia: Challenges and Opportunities in the Era of Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0). *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, *16*(2), 127-136. https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.11.2024.

Herawati, A. (2015). Kontekstualisasi Konsep Ulul albab Di Era Sekarang. *Fikrah*, *3*(1), 123-140.

Ishak Abdulhak & Dani Parmawan. (2015). *Teknologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: SAM Synergy Media Sdn Bhd.

Magfirah, St. (2021). Ulul albab Dalam Al-qur'an (Tafsir Tematik). *Aqlam: Journal of Islam and Plurality.* 6(2). doi:10.30984/ajip. v6i2.1650.

Mizan, N. A., & Norman, H. (2024). Persepsi Pelajar Pra-Universiti dalam Menggunakan AI Generatif: Kajian di Universiti Swasta Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 17(2), 138-149.*

Mohamad Yatim, M. H. ., Said, C. S., Mailok, R., Abdul Muttalib, M. F. H., Johan, R., Muhamad Adnan, M. H., & Abdul Rashid, N. (2025). Sorotan Naratif ChatGPT dalam Pendidikan: Peluang, Cabaran dan Kebimbangan Etika. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, *11*(SPECIAL ISSUE 2), 58-67. https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.sp2.6.2025.

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

Mohd Taib Osman. (2004). *Universiti dan Tradisi Kecermelangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Ridwan Razali. (2024). *Ulul albab Tonggak Masyarakat*. Sinar Harian. Retrieved from https://www.sinarharian.com.my/article/697997/sinar-islam/islam-sejagat/ulul-albab-tonggak-masyarakat

Mohd Shah, N. & Mohd Sabri, C. N. N. F. (2026). *Budaya Membaca Bina Generasi Muda Kritis Dalam Era Digital*. Sinar Harian. Retrieved from https://sinarbestari.sinarharian.com.my/my-ipt/karya-kampus/budaya-membaca-bina-generasi-muda-kritis-dalam-era-digital

Mohammad Sharif, S. (2009). *Generasi Ulul albab : Segunung Harapan Seteguh Gagasan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Mohd Fadzilah Kamsah & Syed Yusainee Yahya. (2004). *Selamat Datang Ke Universiti.* Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Muhammad Shamsul Abd. Ghani. (2025). Sam Altman Peneraju Gelombang AI Moden. Retrievedd fromhttps://www.sinarharian.com.my/article/742863/berita/teknologi/sam-altman-peneraju-gelombang-ai-moden.

Munir, M. (2018). Membingkai Kepribadian Ulul albab Generasi Milenial. Ta'limuna: *Jurnal Pendidikan Islam*. 7(1). 45-59.

Nadiah Ramlan. (2026). *AI Dalam Pendidikan: Memperkasa Pengajaran Interaktif Selari SDG*. Berita RTM. Retrieved from https://berita.rtm.gov.my/fokus/perspektif/senarai-berita-fokus/perspektif/senarai-artikel/ai-dalam-pendidikan-memperkasa-pengajaran-interaktif-selari-sdg/

Nazdy Harun. (2026). *KPT Seru Institut Pendidikan Tinggi Manfaat AI*. Berita Harian. Retreived from https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/05/1560790/kpt-seru-institusi-pendidikan-tinggi-manfaat-ai

Noor Zuraidin Mohd Safar. (2026). Kebergantungan AI Jejas Perkembangan Minda Pelajar. Sinar Bestari. Retrieved from https://sinarbestari.sinarharian.com.my/article/649640/my-ipt/kebergantungan-ai-jejas-perkembangan-minda-pelajar#google_vignette

Pelan Tindakan Pendigitalan Pendidikan Tinggi 2025-2030. Retrieved from https://www.mohe.gov.my/muat-turun/penerbitan-jurnal-dan-laporan/pelan-tindakan-pendigitalan-pendidikan-tinggi-2025-2030/1789-pelan-tindakan-pendigitalan-pendidikan-tinggi-2025-2030-pdf/file

Pujiartha, L. A. (2016). Karakter Akidah Ulul Albâb Dalam Al-qur'an. *Rayah Al-Islam*, *1*(01), 413879.

Ridzuan, M. H. (2025). Pedagogi Inovatif: Sinergi AI dan Komunikasi Untuk Pengajaran Abad ke-21. *E- Journal of Media and Society*, *8*(1), 35-47. https://doi.org/10.24191/ejoms.v8i1.4955.

Sabran, M. S. M., Salleh, M. A. M., & Ahmad, Z. U. L. I. M. R. A. N. (2025). Pengaruh Penerimaan dan Penggunaan Aplikasi ChatGPT dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. Jurnal Komunikasi *Malaysian Journal of Communication*, 41(3), 367-387.

Salleh, F. N. M., Azman, N. A. A., Abdullah, N. I., Rani, N. H. A., Asyikin, N. A., & Lee, A. I. (2025). Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Kalangan Pelajar Universiti: Kesan Terhadap Pembelajaran Dan Kebergantungan Akademik. *E-Journal Of Islamic Thought & Understanding.* 8(1). 82-99.

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1970-1983

Saleng, A. Z., Ahmat, M., Shah, M. H. H., & Daud, M. H. (2023). Transformasi Perpustakaan Khusus Dalam Melestari Masyarakat Madani Digital. *Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia*, 2-4.

Sarkowi, S. (2024). Islamic Education With Ulul albab Integration Paradigm. Halaqa: I*slamic Education Journal*, 8(1), 97-104.

Siti Alida John & Halimah Ahmad. (2007). *Kewangan & Pelajar IPT*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Sohar, F., Azam, N. Q. P. K., Ariffin, M. F. M., Islam, B. K. M., & Azid, M. A. A. (2025). Cabaran Pembudayaan Ilmu Islam Pasca Norma Baharu Covid-19. *Jurnal Dirasatica*, 1(1). 1-18.

Subahan Mohd Meerah & Syed Ismail Syed Mustapa. (2017). *Pedagogy Abad Ke-21*. Petaling Jaya. Sasbadi Sdn. Bhd.

Suzalina Hadid. (2026). Bakat AI Anak Malaysia Dimanfaat Dalam Bidang Perubatan Di London. Berita Harian. Retrieved from https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/05/1553859/bakat-ai-anak-malaysia-dimanfaat-dalam-bidang-perubatan-di-london

Syafiqah Damanhuri. (2026). Teknologi A.I Tidak Wajar Hapuskan Nilai Kemanusiaan. Berita Harian. Retrieveed from https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/06/1569219/teknologi-ai-tidak-wajar-hapuskan-nilai-kemanusiaan-anwar

Tamuri, Ab. Halim. (2021) *Pendidikan berteraskan ulul albab dalam membangun generasi Muslim yang cemerlang, berpengetahuan dan berakhlak / Ab. Halim Tamuri.* In: 4th International Islamic Heritage Conference 2021 (ISHEC '21). Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Alor Gajah, Melaka, pp. 1-7.

Wan, C. W. S. B. C., Ahmad, S. A., Abd, K., & Rahman, S. N. J. (2025). Persepsi, Cabaran Dan Etika: Analisis Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Pembelajaran Di Kalangan Pelajar. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*. Vol. 12 (4). 260-271. DOI: 10.53840/ejpi.v12i4.298.

Widodo, P. (2024). Aplikasi Sifat Golongan Ulu Al-albab Dan Fasik Di Era Society 5.0:(Analisis Terhadap QS. Al-ra'd/13: 19-25). *Al Muhafidz: Jurnal Ilmu Al-qur'an Dan Tafsir*, *4*(1), 1-16.

Zaini Ujang. (2009). *Mengangkasa Pengajian Tinggi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Zaini Ujang. (1993). *Universiti: Mendukung Tradisi Intelektual*. Institut Kajian Dasar.

Zamri Mahamod & Yahya Othman. (2017). *Penulisan Akademik dalam Bidang Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.